

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 15

### AKTA HASUTAN 1948

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

*Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Sedition Act 1948. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHKAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
**2006**

2

## AKTA HASUTAN 1948

Pertama kali diperbuat... ... ... 1948 (Ordinan No. 14  
tahun 1948)

Disemak ... ... ... ... 1969 (Akta 15 m.b.p.  
14 April 1970)

### CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... ... 1992

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... ... 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 15**

#### **AKTA HASUTAN 1948**








---

#### **SUSUNAN SEKSYEN**

---

##### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Kecenderungan menghasut
4. Kesalahan
5. Prosiding undang-undang
6. Keterangan
7. Penerima penerbitan menghasut yang tidak bersalah
8. Pengeluaran waran geledah
9. Penggantungan akhbar yang mengandungi perkara menghasut
10. Kuasa mahkamah untuk melarang pengedaran penerbitan menghasut
11. Penangkapan tanpa waran



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 15**

#### **AKTA HASUTAN 1948**

Suatu Akta untuk memperuntukkan hukuman bagi hasutan.

[*Semenanjung Malaysia —19 Julai 1948,  
Ord. No. 14 tahun 1948;  
Sabah—28 Mei 1964, P.U. 149/1964;  
Sarawak—20 November 1969, P.U.(A)476/1969*]

#### **Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hasutan 1948.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini—

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia dan Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia;

“menghasut” apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut;

“penerbitan” termasuk semua perkara bertulis atau bercetak dan segala benda sama ada atau tidak serupa jenisnya dengan perkara bertulis atau bercetak yang mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat atau yang mengikuti rupanya, bentuknya atau dengan apa-apa cara lain boleh menggambarkan perkataan atau gagasan, dan juga termasuk tiap-tiap naskhah dan keluaran semula atau keluaran semula substansial apa-apa penerbitan;

“perkataan” termasuk apa-apa ungkapan, ayat atau bilangan perkataan atau gabungan perkataan yang berturut-turut yang lain, sama ada secara lisan atau bertulis;

“Raja” ertiannya Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri mana-mana Negeri di Malaysia.

### **Kecenderungan menghasut**

3. (1) Sesuatu “kecenderungan menghasut” ialah kecenderungan—

- (a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- (b) bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- (c) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;
- (d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;
- (e) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau
- (f) bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam subseksyen (1), sesuatu perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain tidak boleh disifatkan sebagai menghasut semata-mata oleh sebab perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan—

- (a) bagi menunjukkan bahawa mana-mana Raja telah dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambil olehnya;
- (b) bagi menunjukkan kesilapan atau kecacatan dalam mana-mana Kerajaan atau perlembagaan sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang (kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f) selain yang berhubungan dengan pelaksanaan mana-mana peruntukan yang berhubungan dengannya) atau dalam perundangan atau dalam pentadbiran keadilan dengan tujuan hendak membetulkan kesilapan atau kecacatan itu;
- (c) kecuali berkenaan dengan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang disebut dalam perenggan (1)(f)—
  - (i) bagi meyakinkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba untuk mendapatkan perubahan, dengan cara yang sah, apa-apa perkara di dalam wilayah Kerajaan itu sebagaimana yang diwujudkan oleh undang-undang; atau
  - (ii) bagi menunjukkan, dengan tujuan hendak menghapuskannya, apa-apa perkara yang menimbulkan atau yang mempunyai kecenderungan untuk menimbulkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Persekutuan,

jika perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu tidak, dengan apa-apa cara lain, sebenarnya mempunyai kecenderungan menghasut.

(3) Bagi maksud membuktikan pelakuan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini niat orang yang dipertuduh itu pada waktu dia melakukan atau cuba melakukan atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan atau pada waktu dia menyebut apa-apa perkataan

menghasut atau pada waktu dia mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan, mengeluarkan semula atau mengimport apa-apa penerbitan atau pada waktu dia melakukan apa-apa benda lain hendaklah disifatkan sebagai tidak berkaitan jika sebenarnya perbuatan itu mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut, atau jika sebenarnya perkataan, penerbitan atau benda lain itu mempunyai kecenderungan menghasut.

### **Kesalahan**

**4. (1) Mana-mana orang yang—**

- (a) melakukan atau cuba melakukan, atau membuat apa-apa persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut, atau, jika dilakukan, akan mempunyai kecenderungan menghasut;
- (b) menyebut apa-apa perkataan menghasut;
- (c) mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan menghasut; atau
- (d) mengimport apa-apa penerbitan menghasut,

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun; dan apa-apa penerbitan menghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai keterangan dalam perbicaraannya hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

**(2) Mana-mana orang yang ada dalam miliknya tanpa sebab yang sah apa-apa penerbitan menghasut melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lapan belas bulan atau kedua-duanya, dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh**

dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan penerbitan itu hendaklah dilucutkhan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

### **Prosiding undang-undang**

**5.** Tiada seorang pun boleh didakwa kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen 4 tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya. Dalam persetujuan bertulis itu, Pendakwa Raya boleh menetapkan mana-mana mahkamah di Malaysia sebagai mahkamah perbicaraan.

### **Keterangan**

**6.** (1) Walau apa pun apa-apa juga yang berlawanan dalam Akta Keterangan [*Akta 56*], tiada seorang pun boleh disabitkan kerana sesuatu kesalahan di bawah seksyen 4 atas testimoni yang tidak disokong yang diberikan oleh seorang saksi.

(2) Tiada seorang pun boleh disabitkan kerana apa-apa kesalahan yang disebut dalam perenggan 4(1)(c) atau (d) jika orang itu membuktikan bahawa penerbitan yang berkenaan dengannya dia dipertuduh itu telah dicetak, diterbitkan, dijual, ditawarkan untuk dijual, diedarkan, dikeluarkan semula atau diimport tanpa kebenaran, persetujuan dan pengetahuannya dan tanpa apa-apa kekurangan hemat atau cermat yang sewajarnya di pihaknya, atau bahawa dia tidak mengetahui dan tidak mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa penerbitan itu mempunyai kecenderungan menghasut.

### **Penerima penerbitan menghasut yang tidak bersalah**

**7.** Mana-mana orang yang kepadanya telah dihantar apa-apa penerbitan menghasut tanpa pengetahuannya atau privitinya hendaklah dengan serta-merta sebaik selepas sifat kandungannya diketahui olehnya menyerahkan penerbitan itu kepada pegawai penjaga sesuatu daerah polis atau, di Sabah dan Sarawak, kepada seorang pegawai pentadbir atau kepada pegawai penjaga balai polis yang hampir sekali, dan mana-mana orang yang mematuhi peruntukan seksyen ini tidak boleh disabitkan kerana memiliki penerbitan itu:

Dengan syarat bahawa dalam mana-mana prosiding terhadap orang itu mahkamah hendaklah menganggap sehingga yang sebaliknya dibuktikan bahawa orang itu mengetahui kandungan penerbitan itu pada masa penerbitan itu mula-mula sampai ke dalam miliknya.

### **Pengeluaran waran geledah**

**8.** (1) Seseorang Majistret boleh mengeluarkan waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai polis, yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, untuk memasuki mana-mana premis di mana apa-apa penerbitan menghasut diketahui atau dengan semunasabahnya disyaki berada dan untuk mencari di dalamnya apa-apa penerbitan menghasut.

(2) Apabila didapati oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengguna bahawa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa dalam mana-mana premis ada disembunyikan atau disimpan apa-apa penerbitan menghasut, dan dia mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa, oleh sebab kelengahan yang akan disebabkan oleh usaha untuk mendapatkan suatu waran geledah, tujuan penggeledahan itu mungkin terkecua, pegawai polis itu boleh memasuki dan menggeledah premis itu seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1).

### **Penggantungan akhbar yang mengandungi perkara menghasut**

**9.** (1) Apabila mana-mana orang disabitkan kerana menerbitkan dalam mana-mana akhbar apa-apa perkara yang mempunyai kecenderungan menghasut, mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, sama ada sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman lain, membuat perintah mengenai semua atau mana-mana daripada perkara yang berikut:

- (a) melarang penerbitan selanjutnya akhbar itu, sama ada dengan mutlak atau kecuali mengikut syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam perintah itu, selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun dari tarikh perintah itu;
- (b) melarang penerbit, tuan punya, atau penyunting akhbar itu, sama ada dengan mutlak atau kecuali mengikut syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam perintah

itu, selama tempoh yang disebut terdahulu, daripada menerbitkan, menyunting atau menulis bagi mana-mana akhbar, atau daripada membantu, sama ada dengan wang atau dengan apa-apa yang mempunyai nilai wang, dengan bahan, perkhidmatan peribadi, atau dengan apa-apa cara lain dalam penerbitan, penyuntingan atau pengeluaran mana-mana akhbar; dan

- (c) bahawa selama tempoh yang disebut terdahulu apa-apa mesin cetak yang digunakan dalam mengeluarkan akhbar itu hendaklah digunakan hanya mengikut syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam perintah itu, atau bahawa mesin cetak itu hendaklah disita oleh polis dan ditahan oleh mereka selama tempoh yang disebut terdahulu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada apa-apa dalam Akta ini boleh menyentuh kuasa mahkamah untuk menghukum mana-mana orang yang melanggar sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini kerana penghinaan mahkamah:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dihukum dua kali bagi kesalahan yang sama.

#### **Kuasa mahkamah untuk mlarang pengedaran penerbitan menghasut**

**10.** (1) Apabila atas permintaan Pendakwa Raya dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa pengeluaran atau pengedaran sesuatu penerbitan menghasut mungkin, atau, jika dimulakan atau diteruskan, akan membawa kepada keganasan yang menyalahi undang-undang, atau didapati mempunyai tujuan untuk mengembangkan perasaan permusuhan antara golongan atau ras masyarakat yang berlainan, mahkamah hendaklah membuat suatu perintah (dalam seksyen ini disebut "perintah larangan") melarang pengeluaran dan pengedaran penerbitan itu (dalam seksyen ini disebut "penerbitan larangan") dan menghendaki tiap-tiap orang yang mempunyai mana-mana naskhah penerbitan

larangan itu dalam milik, kuasa atau kawalannya supaya segera menyerahkan tiap-tiap naskhah itu ke dalam jagaan polis.

(2) Sesuatu perintah di bawah seksyen ini boleh dibuat *ex parte* atas permintaan Pendakwa Raya dalam kamar.

(3) Memadai jika perintah itu memperihalkan penerbitan larangan itu dengan sedemikian rupa yang akan membolehkannya dikenali oleh seseorang yang munasabah yang membandingkannya dengan perihalan dalam perintah larangan itu.

(4) Tiap-tiap orang yang kepadanya suatu salinan perintah larangan disampaikan oleh mana-mana pegawai polis hendaklah segera menyerahkan tiap-tiap penerbitan larangan yang ada dalam milik, kuasa, atau kawalannya kepada pegawai polis itu, dan jika dia tidak berbuat demikian, dia melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(5) Mana-mana orang yang mendapat tahu bahawa sesuatu penerbitan larangan ada dalam milik, kuasa, atau kawalannya hendaklah segera menyerahkan tiap-tiap penerbitan itu ke dalam jagaan polis, dan, jika dia tidak berbuat demikian, dia melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(6) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, sama ada sebelum atau selepas atau tanpa penyampaian perintah larangan itu kepada mana-mana orang, mengeluarkan suatu waran membenarkan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor untuk memasuki dan menggeledah mana-mana premis yang dinyatakan dalam perintah itu, dan untuk menyita dan membawa pergi tiap-tiap penerbitan larangan yang dijumpa di situ, dan menggunakan apa-apa kekerasan sebagaimana yang perlu bagi maksud itu. Suatu salinan perintah larangan itu dan suatu salinan waran geledah itu hendaklah ditinggalkan di suatu tempat yang mudah dilihat di tiap-tiap bangunan atau tempat yang dimasuki sedemikian.

(7) Pemunya mana-mana penerbitan larangan yang diserahkan atau disita di bawah seksyen ini boleh, pada bila-bila masa dalam tempoh empat belas hari selepas penyerahan atau penyitaan itu, membuat petisyen di mahkamah bagi pembatalan perintah

larangan itu, dan jika setelah mendengar petisyen itu mahkamah memutuskan bahawa perintah larangan itu sepatutnya tidak dibuat, hendaklah membatalkan perintah itu dan hendaklah memerintahkan supaya penerbitan larangan yang diserahkan oleh atau disita daripada pemohon itu dipulangkan kepadanya.

(8) Tiap-tiap penerbitan larangan yang diserahkan atau disita di bawah seksyen ini yang berkenaan dengan suatu petisyen tidak difailkan dalam masa yang disebut terdahulu atau yang tidak diperintahkan supaya dipulangkan kepada pemohnya hendaklah disifatkan terlucut hak kepada Kerajaan Persekutuan.

(9) Bagi maksud seksyen ini “mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi.

### **Penangkapan tanpa waran**

**11.** Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau yang dengan semunasabahnya disyaki melakukan atau telah melakukan atau cuba melakukan atau menyebabkan atau bersubahat dengan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini, atau dengan semunasabahnya disyaki memiliki dengan menyalahi undang-undang apa-apa benda yang boleh dilucuthakkan di bawahnya.

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 15

#### AKTA HASUTAN 1948

#### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. 332/1958	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahaian Undang-Undang) (Ordinan-Ordinan dan Perisyiharan- Perisyiharan) 1958	13-11-1958
L.N. 149/1964	Perintah Pengubahaian Undang- Undang (Hasutan) (Peluasan dan Pengubahaian) 1964	28-05-1964
P.U.(A)476/1969	Perintah Pengubahaian Undang- Undang (Hasutan) (Peluasan ke Sarawak) 1969	20-11-1969
P.U.(A)282/1970	Ordinan No. 45 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1970	10-08-1970
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975

## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 15**

#### **AKTA HASUTAN 1948**

#### **SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	L.N. 332/1958	13-11-1958
3	L.N. 332/1958	13-11-1958
	P.U.(A)282/1970	18-08-1970
4	Akta 160	29-08-1975
5	P.U.(A)282/1970	18-08-1970
6	L.N. 332/1958	13-11-1958
9	Akta 160	29-08-1975
10	Akta 160	29-08-1975